

16 SEP 2002

Mahathir-Kewangan (Bergambar)

NEGARA PESAT MEMBANGUN KERANA DANA YANG MENCUKUPI, KATA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 16 Sept (Bernama) -- Malaysia dapat membangun dengan pesat dan lancar kerana mempunyai dana kewangan yang cukup untuk membiayai pembangunannya, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kita tidak pinjam dari negara asing atau dana asing, kita bangun negara dengan duit sendiri, kalau pinjam pun, kita pinjam dari sumber dalam negeri," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapannya di Perhimpunan Bulanan Kementerian Kewangan serta majlis perasmian bangunan baru Kementerian itu di sini, hari ini.

Pada majlis itu, Perdana Menteri turut menyampaikan Anugerah Khidmat Cemerlang kepada kakitangan Perbendaharaan.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata kerajaan tidak meminjam duit daripada sumber luar kerana ia mengutip cukai daripada rakyat dan syarikat, dan duit itu dapat digunakan untuk pembangunan negara.

"Di banyak negara cukai tidak dapat dipungut, terutamanya cukai pendapatan, jadi sukar untuk mereka membayar gaji kakitangan awam dan membangunkan negara," katanya.

Dr Mahathir berkata ramai pemimpin asing hairan apabila diberitahu yang Malaysia membangun hasil daripada duit yang dikutip melalui cukai.

Beliau berkata perkhidmatan awam yang baik dan cekap juga menolong dalam membangunkan negara dengan sempurna.

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini hasil cukai pendapatan telah meningkat sebanyak 26 peratus dan ini adalah kerana kecekapan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

"Agensi-agensi seperti Lembaga Hasil Dalam Negeri dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia sekarang menetapkan sasaran jumlah cukai yang perlu dikutip tetapi ini tidak bermakna rakyat ditekan untuk membayar cukai," kata beliau.

Walaupun kerajaan tidak menekan rakyat untuk membayar cukai, Dr Mahathir berkata apa juga cukai yang dikenakan perlulah dijelaskan oleh rakyat.

"Kita tidak menekan rakyat membayar cukai tetapi usaha yang cekap untuk mengutip cukai adalah kunci kejayaan ini," katanya.

Dr Mahathir juga menjelaskan bahawa kedudukan kewangan negara sekarang sihat selepas mengatasi kegawatan ekonomi dan krisis mata wang beberapa tahun dahulu.

Beliau berkata salah satu sebab kedudukan kewangan negara kukuh ialah kerana Malaysia mempunyai tabungan yang tinggi dengan RM 1 bilion dikutip melalui Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) setiap bulan.

"Tabungan dalam KWSP telah mencecah RM200 bilion dan wang itu telah ditadbir dengan cekap dan kadang-kadang ada juga masalah tetapi kita dapat atasi semua itu," katanya.

Beliau juga berkata pengurusan baik oleh Bank Negara Malaysia (BNM) merupakan satu lagi faktor penyumbang kepada kedudukan kukuh kewangan negara.

BNM kini disegani dengan ada negara luar yang mahukan kita membantu menyusun pentadbiran kewangan mereka, katanya.

Dr Mahathir berkata pentadbiran kewangan yang baik menjamin pertumbuhan ekonomi yang pesat dan ini dapat meningkatkan pendapatan per kapita penduduk yang sekarang berada di tahap US\$4,000 (RM15,200) seorang.

-- BERNAMA

SR FA AZH PR